

Headline	'Bukan mudah'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	42	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rizanizam Abdul Hamid	AdValue	RM 9,786
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,358



# 'Bukan mudah'

Tarik lebih banyak syarikat amal polisi kejang dadah, Aids di tempat kerja

>>Oleh Rizanizam Abdul Hamid

mrizanizam@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited untuk menarik lebih banyak syarikat di negara ini mempunyai polisi menghindari dadah dan Aids di tempat kerja walaupun mengakui mengalami kesukaran untuk menarik penyertaan mereka.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Johari Basri berkata, setakat tahun lalu, hanya 28 syarikat menyertai pelaksanaan Kod Amalan Pencegahan dan Penguru-

san HIV/Aids Di Tempat Kerja (2001).

Dalam pada itu, Kod Amalan Pencegahan dan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah, Alkohol dan Bahan Di Tempat Kerja (2004) pula, hanya 19 syarikat mengamalkannya.

"Memang sebenarnya, tidak mudah untuk kita meyakinkan syarikat (untuk mengamalkan kod-kod ini). Sebab itu kita memerlukan komitmen yang berpanjangan.

"Kita tidak boleh cepat putus

asa, sama ada sedikit atau banyak syarikat menyertainya kita akan cuba," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Polisi Menghindari Dadah dan Aids dan Perasmian Explosafe Competition kepada Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Balai Felda di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Kumpulan Felda Global, Datuk Sabri Ahmad, Naib Presiden Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kumpulan Felda

Global, Daud Amatzin dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Khirudin Drahan.

Menurut Johari, kod-kod amalan itu bertujuan mengurangkan penyebaran Aids dan HIV, penyalahgunaan alkohol dan bahan selain membimbing majikan serta pekerja dalam mengurus isu berkaitannya di tempat kerja.

"Majikan yang bersetuju melaksanakan kod-kod amalan ini digalakkan menyediakan polisi di tempat kerja yang melambangkan komitmen mereka ter-

hadap isu terbabit.

"Pelaksanaannya akan dapat mengurangkan risiko atau potensi kehilangan kakitangan mahir akibat sakit berpanjangan, ketidakhadiran, kematian dan seterusnya menjejaskan produktiviti, faedah kerja, keselamatan dan kesihatan pekerja," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Isa berkata, penyertaan Felda membuktikan komitmen syarikat itu dalam memainkan peranan bagi menimbulkan kesedaran di kalangan pekerjaannya

mengenai kesan buruk penyalahgunaan dadah.

"Walaupun kurang daripada satu peratus kakitangan dan peneroka Felda terbabit dalam penyalahgunaan dadah, namun Felda tetap komited memainkan peranan bagi menimbulkan kesedaran di kalangan mereka.

"Bila kita sudah ada polisi ini, tentu akan ada langkah-langkah yang perlu diambil secara lebih tersusun untuk membantu mengurangkan isu ini yang sudah menjadi masalah negara," katanya.

Headline	'Bukan mudah'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	42	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rizanizam Abdul Hamid	AdValue	RM 9,786
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,358

